

# PERSEPSI PENCARUM MUSLIM TERHADAP PENAMAAN WASI DI KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

(MUSLIM PERCEPTION OF CONTRIBUTORS TO THE NOMINATION WASI  
IN THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND)

Mohd Musa Bin Sarip<sup>1</sup>

## Abstrak

*Penamaan wasi menjadi topik penting dalam pengurusan harta pusaka masa kini. Wasi adalah bertanggungjawab untuk menuntut dan mengagihkan harta kepada waris yang layak mengikut hukum faraid. Artikel ini membincangkan sikap dan pendedahan promosi terhadap pelaksanaan penamaan wasi dalam kalangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 20. Kajian ini mendapat nilai skor min bagi dimensi sikap kebaikan, sikap tanggungjawab dan sikap teknikal yang dikaji menunjukkan tahap penerimaan pencarum antara sederhana tinggi dan tinggi. Skor min bagi dimensi sikap kebaikan merupakan skor min yang tertinggi dibandingkan dengan dua min dimensi yang lain iaitu 4.32 (s.p 0.54). Manakala nilai skor min bagi kedua-dua dimensi tahap pendedahan promosi yang dikaji berada pada tahap sederhana rendah iaitu media utama (min = 2.74, s.p = 0.96) dan media alternatif (min = 2.50, s.p = 0.88).*

Kata kunci: *Penama, Wasi, Pusaka*

## Abstract

*Naming an executor become an important topic in the management of the estate today. Executor is obliged to claim and distribute the assets to the beneficiaries eligible under Faraid. This article discusses the attitude towards exposure of naming an executor and the implementation of promotion among contributors to the Employees Provident Fund. The survey method using questionnaires as research instruments were used. Data were processed and analyzed using IBM SPSS software version 20. This study found that the mean score for attitude dimension of kindness, sense of responsibility and technical surveyed attitudes show the degree of acceptance of contributors between medium-high and high. Mean scores for the kindness attitude is the highest mean score compared to the other two dimensions mean that 4:32 (s.p 0.54). While the mean score for the two-dimensional promotional exposure levels studied are at a moderately low level of major media (mean = 2.74, s.p = 0.96) and alternative media (mean = 2.50, s.p = 0.88).*

Keywords: *Nominee, Executor, Inheritance*

2017 GBSE Journal

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Tel: +60173366995 E-mail: mmusa@kuis.edu.my

## Pendahuluan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang bertindak mengurus skim tabungan wajib nasional yang menyediakan faedah persaraan dan memberi jaminan kewangan bagi sektor swasta serta pekerja tidak berpencen sektor awam. Institusi ini ditubuhkan pada 1 Oktober 1951 di bawah Ordinan KWSP 1951. KWSP telah memperkenalkan pelbagai skim kepada pencarum sepanjang operasinya. Skim yang ditawarkan meliputi skim simpanan, pelaburan dan pengeluaran. Pihak KWSP bertanggungjawab menguruskan wang simpanan pencarum bermula di peringkat simpanan sehingga peringkat pengeluaran. Bagi pengeluaran wang simpanan pencarum yang telah meninggal dunia, dibuat menerusi skim pengeluaran akibat kematian melalui sistem penamaan yang telah dilaksanakan.

Sistem penamaan ini secara umumnya diperkenalkan adalah bertujuan untuk membantu ahli menamakan orang atau mana-mana orang yang dikehendaki ahli untuk diberikan atau diagihkan wang simpanan pencarum selepas ia meninggal dunia. Melalui sistem penamaan ini, penama boleh membuat tuntutan terhadap wang simpanan pencarum yang meninggal dunia dan pihak pengurusan KWSP akan menguruskan pembayaran tersebut dengan cepat dan mudah.

Pelaksanaan sistem penamaan ini adalah merujuk kepada suatu dokumen arahan yang sah di sisi undang-undang dan penggunaannya meliputi orang-orang Islam dan bukan Islam. Sistem penamaan ini adalah berbeza dengan Ordinan Wasiat 1959 yang terpakai kepada orang-orang bukan Islam sahaja. Sistem penamaan ini telah dibincangkan dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 19 September 2000 berkenaan hukum wang simpanan KWSP, SOCSO dan seumpamanya bagi pencarum yang beragama Islam yang meninggal dunia iaitu wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan menurut hukum faraid dan penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid (Narizan Abdul Rahman, 2006 & Jasni Sulong, 2011).

## Konsep Wasi Dalam Pengurusan Harta Pusaka

Perkataan wasi adalah gelaran kepada individu yang terbentuk daripada akad *wisayah* atau *isa'*. Menurut Abdul Karem Zaidan (1997), *wisayah* ialah melantik seseorang sebagai wasi selepas kematiannya untuk menguruskan perkara yang diamanahkan sama ada berkaitan hal anak-anak, harta, wasiat dan lain-lain Konsep *wisayah* sebegitu adalah dalam konteks kuasa (iaitu *wilayah*) terhadap orang-orang yang *qasir*. Namun jika dilihat dari sudut *wisayah* merupakan satu bentuk wasiat, ruang lingkup *wisayah* sebenarnya adalah lebih daripada konteks kuasa itu sendiri, bahkan ia merangkumi perkara yang diamanahkan dalam konteks untuk menguruskan harta selepas kematian pembuat amanah (Nasrul Hisyam Nor Muhammad, 2012).

Secara amnya, akad *wisayah* adalah suatu akad yang disyariatkan dan diharuskan. Ianya telah disepakati secara ijmak (al-Syirazi, 1959). Namun keharusan ini akan berubah mengikut keadaan sama ada menjadi sunat atau wajib. Akad *wisayah* yang disunatkan apabila mahu menyelesaikan hutang, memulangkan barang wadiyah dan *'ariah*, perlaksanaan wasiat dan urusan anak-anak yang gila atau *safih* yang telah baligh. Manakala, akad *wisayah* boleh

menjadi wajib apabila mendapati kekurangan ciri-ciri *ahliyyah al-ada'* sama ada pada wali (iaitu datuk), qadi atau selainnya untuk menguruskan hal-hal anak (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994).

Penerimaan akad *wisayah* bagi wasi pula, mengikut fuqaha terbahagi kepada dua pendapat iaitu pendapat mazhab Shafi'e menyatakan bahawa sekiranya wasi ini sendiri mengetahui bahawa dia adalah seorang yang amanah, maka boleh dia menerimanya. Tetapi jika dia tidak mengetahui adakah dirinya amanah atau tidak, maka lebih baik menolak akad *wisayah* tersebut. Bahkan haram dia menerima *wisayah* dalam keadaan diri wasi adalah seoarang yang tidak amanah (Abdul Karem Zaidan, 1997).

Manakala dalam mazhab Hanafi, berpendapat penerimaan sebagai wasi bagi yang kuat amanahnya adalah disunatkan sebagaimana amalan sahabat menerima dirinya sebagai wasi kerana sikap kebaikan tolong menolong dan bantu membantu semasa Islam. Sekiranya bakal wasi tidak mampu untuk melaksanakan amanah, dia boleh (harus) menolak perlantikan tersebut. Makruh pula jika dia menerimanya dalam keadaan ini. Bahkan menjadi haram penerimaan seorang wasi sekiranya dia yakin atau hampir yakin tidak dapat memenuhi amanah pemberi ke atasnya (Abdul Karem Zaidan, 1997).

Akad *wisayah* mempunyai hubungan secara langsung dengan wasiat, namun wasiat lebih umum berbanding *wisayah* dan ia sendiri adalah sebahagian daripada dimensi wasiat. Wasiat adalah suatu pemberian milikan kepada orang lain yang berkuat kuasa selepas kematian si pewasiat, manakala *wisayah* ini merupakan satu permintaan daripada si pewasiat kepada orang lain agar melakukan yang diwasiatkan ini selepas kematianya (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994).

Menurut mazhab Hanafi dan Shafi'e, *wisayah* merupakan sebahagian daripada akad wasiat kerana wasiat adalah pemberian hak pemilikan yang disandarkan perlaksanaannya selepas kematian dengan cara tabarruk termasuklah *wisayah*, iaitu permintaan sesuatu perkara daripada orang lain agar melakukan selepas kematian seperti menjelaskan hutang (Ibn 'Abidin, 1979). Sementara mazhab Maliki dan sebahagian ulama mazhab Hanbali pula menyamakan akad wasiat dengan akad *wisayah* sebagai permintaan menjalankan sesuatu urusan selepas kematian atau melakukan akad tabarruk dengan sejumlah harta selepas kematianya (Abdul Karem Zaidan, 1997).

Mengikut keperluan kontrak *wisayah* pada asalnya adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam kerana agama Islam menyedari kepentingan melakukan *wisayah* dalam merealisasikan kemaslahatan manusia. Semua manusia yang hidup di atas dunia ini pasti akan menghadapi kematian. Berdasarkan realiti ini, maka adalah sangat wajar dan bertepatan dengan semangat maslahah dalam Islam ini sendiri, satu pihak dilantik untuk mengurus, menyelia dan menyelesaikan urusan-urusan berkaitan dengan kehartaan orang yang telah meninggal dunia (Mustafa al-Khin et al. 1998). Dalam konteks ini, *wisayah* adalah satu bentuk peramanahan yang menyamai akad wadiyah dan akad wakalah yang juga dibenarkan oleh syarak (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994).

*Wisayah* merupakan satu akad atau kontrak yang dilaksanakan berdasarkan kepada rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang Islam. Secara umumnya, rukun *wisayah* adalah orang yang membuat *wisayah* (*muṣi*), pelaksana *wisayah* (wasi), subjek *wisayah* (*muṣā fihi*) dan pernyataan *wisayah* (sighah *ijab* dan *qabul*) (al-Sayyid al-Bakri

2002). *Musi* ialah orang yang mengeluarkan arahan kepada seseorang yang lain untuk mentadbir urusan selapas kematiannya. Secara ringkasnya, *muṣi* mestilah memenuhi syarat-syarat berikut iaitu Islam, merdeka, mukallaf, adil dan mempunyai kuasa (*al-wilayah*) (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994; al-Nawawi, 1995).

*Muṣā fīhi* ialah subjek atau perkara yang diamanahkan kepada wasi untuk dilaksanakan selepas kematian *mūṣi*. *Muṣā fīhi* disyaratkan setiap perkara yang dijadikan subjek *wisayah* ini mestilah perkara yang berupa satu urusan yang diketahui dan pelaksanaan urusan ini adalah di bawah tanggungjawab *muṣi*. Disyaratkan tiga perkara utama berkenaan *al-muṣā fīhi* iaitu, a) sesuatu harta mestilah yang dibenarkan oleh syarak, b) *tasarruf* mestilah sesuatu yang diketahui dan, c) wasi mampu melaksanakan sesuatu *tasarruf* tersebut (al-Bahuti, 1982). Antara perkara yang menjadi subjek *wisayah* adalah seperti menunaikan hutang piutang, melaksanakan wasiat, menguruskan hal ehwal orang *qasir* dan memulangkan barang orang lain (al-Zuhayli, 1989).

Seterusnya sighth merupakan satu akad atau kontrak *wisayah* yang mengandungi *ījāb* dan *qābul*. Keperluan *ījāb* dipenuhi dengan apa sahaja lafadz yang menunjukkan penyerahan urusan yang ditentukan itu daripada *mūṣi* kepada wasi apabila *musi* meninggal dunia. *Ijab* juga boleh dibuat melalui isyarat yang difahami dan tulisan bagi mereka yang bisu atau tidak boleh bercakap dengan baik (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994). Manakala *qabul* pula tidak ditetapkan dengan lafadz tertentu, tetapi mestilah menunjukkan persetujuan ke atas apa yang ditawarkan oleh *musi*.

Keperluan *qabul* boleh dipenuhi dengan kata-kata atau dengan melakukan perkara yang diminta. *Qabul* tidak disyaratkan berlaku selepas *ijab*, namun masa penerimaan suatu *wisayah* ini boleh dilanjutkan selepas *musi* meninggal dunia kerana kesan kuat kuasa *wisayah* ini hanya berlaku selepas kematian *mūṣi* (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994; Ibn 'Abidin, 2003).

Walaubagaimanapun para fuqaha tidak sependapat dalam menentukan waktu yang diambil kira bagi seseorang wasi menyatakan persetujuan terhadap sesuatu *wisayah*. Pandangan fuqaha mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali menyatakan bahawa penerimaan *wisayah* adalah sah dilakukan ketika hayat *musi*. Alasan kepada pandangan ini adalah penerimaan merupakan keizinan kepada pelaksanaan *wisayah* tersebut dan penerimaan boleh dibuat selepas akad.

Penerimaan juga boleh dibuat selepas kematian *musi* kerana *wisayah* merupakan sejenis wasiat yang pelaksanaannya hanya berlaku selepas kematian *musi* (Ibn Humam, 2003; Ibn Qudamah, t.th.; al-Ra'ini, 1995). Manakala pandangan mazhab Shafi'e bahawa penerimaan dan penolakan *wisayah* yang dibuat semasa hayat *musi* adalah tidak sah kerana masa tersebut bukanlah waktu sebenar pelaksanaan akad *wisayah* sama seperti akad wasiat (al-Khatib Muhamad al-Sharbini, 1994).

Justeru, merujuk kembali kepada tanggungjawab wasi dalam sistem pentadbiran harta penama sebagai pentadbir harta pusaka si mati. Maka wasi akan mentadbir dan mengurus peramanahan harta pusaka sebagai mana hak yang dibenarkan oleh undang-undang. Wasi bertanggungjawab mengeluarkan wang simpanan daripada institusi kewangan si mati dan mendapatkan bersama-sama panduan pembahagian harta pusaka berdasarkan faraid (iaitu sijil faraid) atau pembahagian secara persetujuan bersama dalam kalangan ahli waris si mati.

Seterusnya, wasi hendaklah membahagikan kepada semua ahli waris yang berhak mengikut kadar yang telah ditetapkan mengikut faraid atau kadar persetujuan bersama setelah mengambil kira penolakan yang perlu didahului antaranya kos perbelanjaan pengurusan jenazah, hutang piutang dan wasiat si mati sekiranya ada. Jika wasi sendiri tidak mahu atau mampu menguruskan harta penama tersebut, maka wasi tersebut hendaklah menulis surat kepada Pegawai Penyelesaian Pusaka atau Pegawai Pentadbir Pusaka atau Pemegang Amanah Raya bagi mengambil alih pengurusan harta penama yang ditinggalkan (Md Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim, 2002).

### **Sikap Pencarum Dan Promosi Terhadap Pelaksanaan Wasi**

Sikap merupakan satu pendorong utama dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang untuk bertindak (Fishbean & Ajzen, 2010). Menurut Ajzen (1991, 2005) sikap dianggap sebagai suatu penilaian menguntungkan (*favorable*) atau tidak menguntungkan (*unfavorable*) seseorang terhadap sesuatu objek tingkah laku. Penilaian terhadap hasil atau akibat tingkah laku turut dipengaruhi oleh kepercayaan tingkah laku (*behavioral belief*) (Fishbean & Ajzen, 2010).

Menurut Hanno dan Violette (1996), setiap kepercayaan yang berhasil ke atas sesuatu tingkah laku adalah berkait dengan hasil atau kos yang berhubung dengan perlakuan tingkah laku tersebut yang dikenali sebagai kepercayaan tingkah laku. Sikap yang positif terhadap sesuatu tingkah laku akan mendorong kepada kecenderungan seseorang untuk bertenkah laku. Sebaliknya, sikap yang negatif terhadap tingkah laku akan menyumbang kepada kecenderungan yang negatif dan tidak akan mendorong pelaksanaan tingkah laku tersebut.

Bagi melaksanakan penamaan wasi, faktor sikap dijangka dapat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku tersebut. Sikap terhadap sistem penamaan wasi merujuk kepada satu penilaian yang dibuat oleh pencarum sama ada mahu menerima atau tidak menerima dalam membuat penamaan wasi yang sebenar mengikut undang-undang Islam. Sikap yang positif terhadap sistem penamaan wasi dapat membentuk kecenderungan yang positif dan seterusnya mendorong pencarum untuk membuat penamaan wasi yang bertanggungjawab dan amanah. Namun, sikap yang negatif dapat melemahkan keinginan mereka untuk membuat penamaan wasi. Sebagai seorang pencarum Muslim, kepercayaan yang wujud dalam diri seseorang secara berterusan berteraskan kepatuhan kepada Allah S.W.T dapat membentuk pegangan dan pandangan hidup (*tasawur*), perasaan dan tingkah laku yang selaras dengan syariat Islam (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1994). Maka, seluruh tingkah laku kehidupan manusia didasarkan atas keagamaan (*al-din*) dan ketundukan kepada Allah sejajar dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, Masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu turut jejak-jejak syaitan; sesungguhnya dia bagi kamu adalah musuh yang nyata.” (Aali-‘Imran 3:83).

Pelaksanaan penamaan wasi juga amat bergantung kepada tahap pengetahuan pencarum. Sehubungan itu, pendedahan promosi penamaan wasi kepada pencarum adalah penting bagi memberi kesedaran dan membina sikap yang positif terhadap perlaksanaan sistem tersebut berlandaskan fatwa yang telah dikeluarkan. Promosi merupakan meupakan salah satu kaedah komunikasi yang baik dalam menyalurkan maklumat penting kepada pencarum.

Kajian mengenai pendedahan promosi banyak dibincangkan dalam bidang pemasaran dan perkhidmatan. Promosi adalah salah satu kaedah komunikasi yang bertujuan untuk menarik minat, membina sikap positif terhadap sesuatu jenama, memberi kepuasan dan mendorong seseorang untuk bertingkah laku mengikut cara tertentu (Graef, 1995; Ratten & Ratten 2007). Oleh sebab kempen promosi didedahkan kepada masyarakat, setiap individu yang terdedah dengan kempen tersebut akan mempunyai tanggapan positif untuk bertindak.

Tanggapan positif ini dipercayai dapat mempengaruhi tingkah laku pencarum dalam membuat penamaan wasi. Tanggapan positif pencarum dapat mengurangkan halangan psikologi ke atas pelaksanaan penamaan wasi. Inilah faktor luaran yang dimaksudkan sebagai kepercayaan kawalan seperti pendedahan promosi yang dapat menjadi sumber atau peluang dalam pelaksanaan tingkah laku penamaan wasi (Ajzen & Sheikh, 2013). Oleh yang demikian, pencarum yang kerap terdedah dengan pendedahan promosi berkaitan kepentingan melantik wasi yang amanah dan jujur akan mempunyai kawalan tingkah laku yang positif seterusnya dapat membentuk tingkah laku yang kuat untuk melaksanakan tindakan yang betul berbanding pencarum yang kurang pendedahan ke atas promosi ini.

Kajian-kajian terdahulu melaporkan kaitan antara pendedahan promosi dengan tingkah laku. Rice dan Bennet (1998) melaporkan bahawa kaedah promosi melalui media dapat meningkatkan kesedaran ke atas sesuatu produk dan perkhidmatan dan ia dapat mencetuskan pelaksanaan tingkah laku. Kaufman (1991) mendedahkan bahawa pendedahan media mengenai kaedah perbankan melalui telefon bimbit, semakin tinggi tingkah laku mereka untuk menggunakaninya. Walker dan Loughland (2003) juga mendapati media merupakan saluran utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan alam sekitar. Dalam persekitaran zakat, dalam kajian Kamil Md Idris (2002) dan Kamil Md Idris et al. (2006) mendapati bahawa lebih tinggi aras pendedahan kepada promosi zakat, lebih tinggi aras tingkah laku untuk membayar zakat. Bagaimanapun kajian Ram AlJaffri Saad (2010) melaporkan hubungan yang tidak signifikan antara pendedahan promosi dengan kecenderungan tingkah laku pembayaran zakat.

Oleh itu, kajian ini menjangkakan bahawa pendedahan pencarum terhadap promosi berkaitan kepentingan penamaan wasi dapat mempengaruhi pencarum untuk melakukan pelantikan wasi yang mampu melaksanakan tanggungjawab dengan amanah. Pencarum yang kerap terdedah dengan promosi akan mempunyai persepsi positif terhadap pelaksanaan penamaan wasi. Ini seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan seterusnya mendorong mereka untuk mempunyai keinginan yang kuat untuk melantik wasi. Sebaliknya, kurangnya pendedahan promosi penamaan KWSP wasi akan mengurangkan keinginan mereka untuk melantik wasi.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini bersifat kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden. Instrumen kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi latar belakang demografi responden secara umum. Bahagian B adalah soalan-soalan berkaitan dengan sikap terhadap pelaksanaan penamaan wasi. Bahagian ini mengandungi 13 soalan. Bahagian C adalah berkaitan dengan promosi terhadap pelaksanaan wasi. Bahagian ini mengandungi sembilan soalan.

Seramai 556 responden telah dilibatkan dalam kajian ini dengan teknik pemilihan sampel secara bertujuan. Saiz sampel kajian ini melebihi saiz maksimum sampel bagi populasi melebihi 100,000 responden seperti yang disarankan di dalam Jadual Krejcie dan Morgan (Sekaran, 2003), iaitu sebanyak 384 responden. Persampelan ini dapat mengurangkan kesukaran menentukan rangka persampelan serta menjimatkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi menjalankan penyelidikan.

Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian computer SPSS versi 20. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat pada bahagian A, B dan C telah dikodkan kepada skala penilaian rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Kajian yang dijalankan adalah memfokuskan analisa melalui perbandingan min dan sisihan piawai seperti mana dalam Jadual 1 di bawah (Chua, 2006). Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data kajian melalui gambaran yang lebih ringkas dan mudah dibaca (Sekaran, 2003).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

## Hasil Kajian

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 339 pencarum perempuan (61.0%) dan bakinya 217 pencarum lelaki (39.0%). Seramai 246 orang pencarum (44.2%) berumur 31 hingga 40 tahun, 225 orang pencarum (40.5%) berumur 30 tahun ke bawah, 68 orang pencarum (12.2%) berumur 41 hingga 50 tahun dan 17 orang pencarum (3.1%) berumur 51 tahun ke atas. Manakala dalam aspek status perkahwinan responden, 400 orang pencarum (71.%) dalam perkahwinan, 143 orang pencarum (25.7%) masih bujang dan 13 orang pencarum (2.3%) telah menjadi janda atau pun duda. Dalam sektor pekerjaan pula, seramai 384 orang pencarum (62.6%) adalah terdiri daripada kakitangan swasta dan bakinya 208 orang pencarum (37.4%) bekerja dalam sektor awam.

Berdasarkan Jadual 2, nilai skor min bagi ketiga-tiga dimensi sikap yang dikaji menunjukkan tahap penerimaan pencarum antara sederhana tinggi dan tinggi. Skor min bagi dimensi sikap kebaikan merupakan skor min yang tertinggi dibandingkan dengan dua min dimensi yang lain iaitu 4.32 (s.p 0.54). Diikuti skor min sikap tanggungjawab ( $\text{min}=4.23$  s.p=0.57). Ini bermakna tahap sikap tanggungjawab dan sikap kebaikan adalah pada tahap tinggi. Bagi dimensi sikap secara teknikal, tahapnya adalah sederhana tinggi ( $\text{min}=3.91$ , s.p=0.57). Kesimpulannya, tahap sikap responden secara keseluruhan dalam kalangan pencarum adalah tinggi dengan min 4.10 dan sisihan piawai 0.46.

Jadual 2: Skor Min Sikap Pencarum Terhadap Penamaan Wasi Berdasarkan Dimensi

Sub Dimensi	Min	s.p	Tahap
Sikap kebaikan	4.32	0.54	Tinggi
Sikap tanggungjawab	4.23	0.57	Tinggi
Sikap teknikal	3.91	0.57	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	4.10	0.46	Tinggi

Seterusnya merujuk Jadual 3 seperti di bawah, nilai min bagi 13 item pemboleh ubah sikap secara keseluruhannya dalam kajian ini menunjukkan pada tahap tinggi dan sederhana tinggi. Hasil analisis menunjukkan terdapat tujuh min bagi item pemboleh ubah sikap yang tinggi bagi kesemua item pemboleh ubah sikap kebaikan dan pemboleh ubah sikap tanggungjawab. Bermula daripada item ‘saya menyokong sistem penamaan yang dilakukan oleh KWSP’ iaitu 4.33 (s. p=0.62 sehingan item ‘saya pasti melantik penama/pentadbir kerana ia dapat ditadbir oleh individu yang boleh dipercayai’ 4.18 (s. p=0.64). Hal ini menunjukkan bahawa item-item pemboleh ubah sikap kebaikan mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding dengan item-item dalam pemboleh ubah sikap tanggungjawab.

Manakala baki enam item pemboleh ubah sikap teknikal yang lain menunjukkan bahawa berada pada tahap sederhana tinggi dengan min di antara 3.84 hingga 3.97. Min yang paling tinggi bagi item ‘borang penamaan KWSP, jelas menyatakan bahawa penama adalah sebagai pentadbir bagi orang Islam’ 3.97 (s. p=0.70) dan min yang paling rendah bagi item ‘pengeluaran wang si mati melalui sistem penamaan, tiada sebarang kos/bayaran dikenakan kepada penama/pentadbir’ ialah 3.84 (s.p=0.82). Hal ini menunjukkan bahawa nilai min bagi item-item pemboleh ubah sikap teknikal mempunyai nilai min yang sedikit rendah dibandingkan dengan item-item pemboleh ubah sikap kebaikan dan pemboleh ubah tanggungjawab.

Jadual 3: Tahap Sikap Terhadap Sistem Penamaan Wasi Berdasarkan Item Keseluruhan

Pemboleh ubah	Min	s.p	Tahap
<b>Sikap Kebaikan</b>			
Perlantikan penama/pentadbir dapat memberi manfaat kepada ahli waris yang ditinggalkan.	4.31	0.64	Tinggi
Perlantikan wasi (pentadbir/pemegang amanah) adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam.	4.31	0.65	Tinggi
Saya rasa senang hati jika dapat melantik penama/pentadbir yang bertanggungjawab kerana ia adalah tuntutan agama.	4.33	0.61	Tinggi
<b>Sikap Tanggungjawab</b>			
Sistem penamaan dapat mempercepatkan urusan pengeluaran wang persaraan ahli KWSP selepas kematianya.	4.19	0.76	Tinggi
Saya pasti melantik penama/pentadbir kerana ia dapat ditadbir oleh individu yang boleh dipercayai.	4.18	0.64	Tinggi
Saya menyokong sistem penamaan yang dilakukan oleh KWSP.	4.33	0.62	Tinggi
Perlantikan penama/pentadbir di KWSP adalah suatu tindakan yang tepat.	4.21	0.62	Tinggi
<b>Sikap Teknikal</b>			
Borang penamaan KWSP, jelas menyatakan bahawa penama adalah sebagai pentadbir bagi orang Islam.	3.97	0.70	Sederhana Tinggi
Borang penamaan KWSP senang diperoleh.	3.97	0.75	Sederhana Tinggi
Saya berpuas hati tentang kaedah pendaftaran penamaan di KWSP pada masa ini.	3.94	0.73	Sederhana Tinggi
Maklumat penamaan KWSP ahli, mudah dikemaskini.	3.87	0.77	Sederhana Tinggi
Pembayaran wang si mati melalui sistem penamaan, KWSP akan membayar wang ahli keseluruhannya (lump-sum) kepada	3.84	0.79	Sederhana Tinggi

penama/pentadbir.

Pengeluaran wang si mati melalui sistem penamaan, tiada sebarang kos/bayaran dikenakan kepada penama/pentadbir.	3.84	0.81	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	4.10	0.46	Tinggi

Dapatkan hasil kajian berikutnya adalah berkaitan persepsi responden terhadap tahap pendedahan yang diterima daripada promosi yang dijalankan oleh pihak KWSP khususnya berkenaan penamaan wasi dalam kalangan pencarum beragama Islam. Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah nilai skor min bagi kedua-dua dimensi tahap pendedahan promosi yang dikaji berada pada tahap sederhana rendah iaitu media utama ( $\text{min} = 2.74$ ,  $s.p = 0.96$ ) dan media alternatif ( $\text{min} = 2.50$ ,  $s.p = 0.88$ ). Nilai skor min keseluruhan juga menunjukkan tahap kekerapan pendedahan promosi penamaan KWSP dalam saluran media sedia ada dalam kalangan responden pada tahap sederhana rendah iaitu  $\text{min} = 2.58$  dan sisihan piawai  $0.82$ .

Jadual 4: Skor Min Tahap Pendedahan Promosi Penamaan KWSP Berdasarkan Dimensi

Sub Dimensi	Min	s.p	Tahap
Media utama	2.74	0.96	Sederhana Rendah
Media alternatif	2.50	0.88	Sederhana Rendah
Keseluruhan	2.58	0.82	Sederhana Rendah

Seterusnya analisis deskriptif kajian ini secara terperinci dalam Jadual 5 menunjukkan hanya satu item yang menunjukkan persepsi responden pada tahap sederhana tinggi iaitu ‘laman web KWSP’ dengan  $\text{min} = 3.09$  dan sisihan piawai  $1.17$ . Manakala baki lapan item yang lain daripada media ‘televisyen’ ( $\text{min}=2.93$ ,  $s.p=1.13$ ) hingga boleh ubah ‘ceramah KWSP’ ( $\text{min}= 2.06$ ,  $s.p=1.07$ ) pada tahap sederhana rendah. Pendedahan promosi penamaan KWSP melalui medium saluran ceramah adalah merupakan penerimaan promosi yang paling rendah jika dibandingkan dengan medium-medium saluran yang lain. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan dapatan kajian mendapati pendedahan penamaan KWSP melalui saluran arus perdana (seperti televisyen, akhbar) atau saluran alternatif (seperti laman sosial) dalam kalangan responden pada tahap sederhana tetapi perlu diperbaiki mutu pelaksanaannya.

Jadual 5: Tahap Pendedahan Promosi Penamaan KWSP Berdasarkan Item Keseluruhan

Pemboleh ubah	Min	s.p	Tahap
<b>Media Utama</b>			
Televisyen	2.93	1.13	Sederhana Rendah
Akhbar	2.69	1.06	Sederhana Rendah
Radio	2.62	1.04	Sederhana Rendah
<b>Media Alternatif</b>			
Laman Web KWSP	3.09	1.17	Sederhana Tinggi
Risalah KWSP	2.75	1.07	Sederhana Rendah
Laman Sosial KWSP	2.51	1.17	Sederhana Rendah
Papan iklan	2.40	1.08	Sederhana Rendah
Majalah	2.20	1.00	Sederhana Rendah
Ceramah KWSP	2.06	1.07	Sederhana Rendah
Keseluruhan	2.58	0.82	Sederhana Rendah

## Perbincangan

Analisis kajian ini yang bertujuan untuk mengenal pasti sikap pencarum terhadap sistem penamaan wasi dalam kalangan pencarum Muslim. Dapatkan kajian mendapati sikap pencarum secara keseluruhan terdapat sikap yang positif terhadap sistem penamaan wasi menurut undang-undang Islam dalam kalangan responden yang terlibat pada tahap yang tinggi ( $\text{min}=4.10$ ,  $s.p=0.46$ ).

Dapatkan ini secara umumnya selari dengan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian yang telah dilakukan oleh Md. Kamil Idris (2002), Kamil Md Idris, Ayoib Che Ahmad, Zainol Bidin, Nor Shaipah Abdul Wahab, Nor Afza Amran dan Haslinda Hassan (2006), Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin (2009) dan Ram Al-Jaffri Saad (2010) yang merumuskan wujudnya sikap yang positif terhadap keakuran pembayaran zakat dalam kalangan masyarakat Islam.

Walau bagaimanapun, kajian ini berbeza dan memfokuskan kepada aspek sikap terhadap sistem penamaan wasi dalam mengurus harta perwarisan dalam kalangan orang-orang Islam di KWSP khususnya. Manakala, analisis sikap ke atas sistem penamaan wasi mengikut dimensi pula mendapati bahawa tahap penerimaan adalah sedikit berbeza di antara satu dimensi dengan dimensi yang lain. Dapatkan menunjukkan tren nilai min yang tinggi adalah bagi dimensi sikap tanggungjawab dan sikap kebaikan terhadap sistem penamaan wasi dalam kalangan responden. Manakala dimensi sikap teknikal yang didapati mencapai tahap sederhana tinggi dalam kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini.

Dapatkan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa aspek sikap kebaikan (perlantikan wasi/pemegang amanah adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam) dan sikap tanggungjawab (seperti saya pasti melantik penama/pentadbir kerana ia dapat ditadbir oleh individu yang boleh dipercayai) terhadap sistem penamaan wasi adalah perkara yang sangat ditekankan oleh responden dalam pelaksanaan penamaan wasi menurut undang-undang Islam berbanding aspek teknikal (seperti borang penamaan KWSP senang diperoleh).

Kepercayaan menonjol ini sememangnya amat mencerminkan bahawa responden mempunyai sikap keagamaan yang lebih positif akan menghasilkan tindakan yang positif dan seterusnya mampu diterjemahkan ke dalam tingkah laku melaksanakan penamaan wasi yang sebenar menurut undang-undang Islam.

Hal ini juga selari dengan dengan tindakan dan kegiatan seseorang mengikut peraturan hukum dan akhlak yang ditetapkan dalam syariat Islam (Mohamad Sabri Haron, 2011). Sistem penamaan wasi yang diwujudkan untuk digunakan secara berkesan selagi mana ia memenuhi empat perkara asas iaitu tidak dilarang secara khusus (kepercayaan tingkah laku kebaikan), tidak digunakan untuk tujuan yang salah (kepercayaan tingkah laku kebaikan), tidak memberikan yang memudaratkan diri atau orang lain (kepercayaan tingkah laku tanggungjawab) dan digunakan berasaskan keperluan (kepercayaan tingkah laku tanggungjawab).

Sistem penamaan wasi adalah sebuah mekanisme yang diwujudkan lantaran keperluan masyarakat semasa. Oleh itu, hukum penggunaannya merujuk kepada satu kaedah fiqh yang bermaksud: Asal am pada setiap sesuatu adalah diharuskan. Ini kerana tidak terdapat dikesan sebarang dalil *tafsiliy* (terperinci) yang menegah berinteraksi dengannya.

Dalam konteks muamalat, peraturan hukum yang datang secara umum adalah bagi memenuhi keperluan manusia dan bersesuaian mengikut peredaran zaman, tempat dan adat bertepatan dengan prinsip maqāṣid sharīrah untuk mencapai kemaslahatan dan menolak kemudaratan daripada pelaksanaannya. Manakala dari sudut teknikal pelaksanaan sistem wasi, perkara imbuhan dan kos juga antara perkara yang perlu dipertimbangkan dan mampu mendorong pencarum melakukan tingkah laku pelantikan wasi di KWSP.

Promosi berperanan secara langsung dan tidak langsung dalam membina sikap dan pengetahuan mengenai sistem penamaan wasi dan seterusnya menimbulkan kesedaran untuk melaksanakan penamaan wasi di KWSP. Komunikasi dalam bentuk promosi dan penyebaran maklumat dapat membantu individu untuk melaksanakan penamaan wasi melalui proses kognitif, afektif dan seterusnya membuat keputusan. Usaha pihak KWSP dalam menjalankan aktiviti promosi dapat membantu meningkatkan jumlah penamaan dalam kalangan pencarum. Bagaimanapun keberkesanannya bergantung kepada aras pendedahan kepada pencarum beragama Islam secara spesifik dalam aspek pelantikan wasi yang sebenar.

Dapatkan kajian mendapati saluran media utama mempunyai pengaruh yang utama berbanding saluran media alternatif dalam memberi maklumat tentang sistem penamaan wasi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mendapati laman web menjadi medium penyampaian dan penyebaran maklumat yang paling tinggi kepada para pencarum KWSP berbanding televisyen, risalah, akhbar, radio, laman sosial, papan iklan, majalah dan program ceramah. Hasil kajian ini selari dengan Ram AlJaffri Saad (2010), Walker dan Loughland (2003) serta Rice dan Bennet (1998) yang bahawa media elektronik menjadi media utama kepada pengguna untuk mendapat sesuatu maklumat. Media elektronik juga mempunyai ruang yang sama untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang sistem penamaan wasi. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pendedahan melalui satu medium sahaja (laman web) dikhuatiri tidak mencukupi untuk merangsang motivasi pencarum melakukan pelantikan penamaan wasi.

Ini kerana berkemungkinan pencarum lebih berminat mendapatkan maklumat berkenaan skim-skim pengeluaran wang persaraan yang ditawarkan oleh pihak KWSP berbanding keperluan ke atas penamaan wasi. Tambahan pula, didapati majoriti pencarum hanya memiliki jumlah wang simpanan yang mencukupi untuk tiga tahun pertama selepas persaraannya.

Justeru itu, tanggungjawab sosial menerusi media massa dengan kerjasama pihak KWSP untuk mengetengahkan isu-isu pengurusan harta pusaka orang-orang Islam mampu menarik masyarakat mengikutinya. Pemaparan iklan dan nasihat pelaksanaan penamaan wasi secara berterusan dalam media sama ada media perdana atau media alternatif menunjukkan bahawa isu ini diberi perhatian yang penting dan dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat Islam terhadap kecenderungan melakukan penamaan wasi.

## Kesimpulan

Usaha memperbaiki sikap terhadap amalan sistem penamaan wasi dalam kalangan pencarum juga harus dilihat dari perspektif yang lebih luas dan juga kompleks. Pencarum-pencarum harus didekah dan diberikan maklumat yang mencukupi untuk melaksanakan sendiri tanggungjawabnya sebagai pemilik dan khalifah Allah Taala dalam konteks peramanahan harta seperti mana yang digariskan oleh fuqaha. Dengan ini, program-program kesedaran

harus dirangka sejajar dengan keperluan semasa untuk menyebarkan maklumat yang hendak disampaikan. Kaedah penyebaran maklumat melalui media bercetak dan media elektronik perlu diperkemas dan ditingkatkan membolehkan pencarum lebih banyak ruang untuk didedahkan bagi menghayati sistem penamaan wasi yang sebenar dalam konteks peramanahan harta menurut Islam. Penggunaan saluran media popular seperti laman web dan media sosial merupakan media penyebaran maklumat alternatif yang terbaik dan berkesan untuk dilaksanakan. Sewajarnya, pihak-pihak yang terlibat sentiasa mengemas kini kandungan dan maklumat berkenaan kepentingan, hak dan tanggungjawab pencarum bagi melaksanakan sistem penamaan wasi yang memenuhi matlamat penjagaan harta dalam *maqaṣid shari‘ah*.

## Rujukan

- Abdul Karem Zaidan. (1997). *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ajzen I. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior*. (Second edition ed.). New York, USA: Open University Press.
- Ajzen, I. (1991). *The theory of planned behavior*. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I., & Sheikh, S. (2013). Action versus inaction: Anticipated affect in the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 43(1): 155-162. doi: 10.1111/j.1559-1816.2012.00989.x
- al-Bahūti, Mansor bin Yunos. (1982). *Kasfu al-Qinā' 'an Matan al-'Iqnā'*. Lubnan: Dār al-Fikr.
- al-Khatib Muhamad al-Sharbini. (1994). *Mughnī al-Muhtāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhydin bin Sharif. (1995). *Raudah al-Tālibin wa 'Umdah al-Muftiyīn* Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif.
- al-Ra'ini, Muhamad bin Muhamad al-Khattab. (1995). *Mawāhib al-Jalīl li Sharh Muhktasār al-Khālid* (Ed. ke-1, Jld. 8). (Zakaria Umairat, Ed.) Beirut: Dār al-Kutob al-'Ilmiyyah.
- al-Syirazi, Ibrahim bin Ali bin Yusof. (1959). *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imām al-Syafī'* (Ed. ke-2). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Serdang: McGraw-Hall.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. (2010). *Predicting and Changing Behavior: The Reasoned Action Approach*. New York: Psychology Press (Taylor & Francis).
- Graef, T. (1995). Product comprehension and promotional strategies. *Journal Consumer Marketing*, 12(2): 28-39.
- Hanno, D.M., & Violette, G.R.,. (1996). An analysis of moral and social influences on taxpayer behavior. *Behavioral Research In Accounting*, 8: 57-75.
- Ibn Humam, K. (2003). *Takmalah Fath al-Qadīr* (Jld. 10). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, A. M. (t.th). *al-Mughnī* (Vol. Jld. 4). Mesir: Maktabat al-Qahirah.
- Ibn 'Abidin, M. A. 2003. *Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Muktār* (Jld. 10). Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan undang-undang pentadbiran pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Kamil Md Idris, Ayoib Che Ahmad, Zainol Bidin, Nor Shaipah Abdul Wahab, Nor Afza Amran & Haslinda Hassan. (2006). *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian Di Malaysia*. Manuskrip Projek IRPA, tidak diterbitkan: Universiti Utara Malaysia.
- Kamil Md. Idris. (2002). Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Bagi Kakitangan Awam di Negeri Kedah. Tesis Ph.D. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Kaufman, C. (1991). Coupon use in ethnic markets: Implications from a retail perspective. *Journal of Consumer Marketing*, 8(1): 41-51.
- Md Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. (2002). Amalan penamaan harta orang Islam di Malaysia: Satu tinjauan ringkas menurut Syariah Islamiah. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 3: 63-80.
- Mohamamad Sabri Haron. (2011). *Isu-isu ekonomi dalam dimensi pemikiran Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum.
- Mustafa al-Khin et al. 1998. *al-Fiqh al-Minhaji*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Narizan Abdul Rahman. (2006). Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam: Tinjauan kepada harta penama. In Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (pp. 209-223). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. (2012). *Wasiat dan Wisayah dalam perancangan harta: Prinsip dan amalan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Ratten, V., & Ratten, H. (2007). Social cognitive theory In technological Innovations. *European Journal of Innovation Management*, 10(1): 90-108.
- Ram AlJaffri Saad. (2010). Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah. Tesis Ph.D. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris & Zainol Bidin, (2009). Peraturan-peraturan zakat kepada institusi zakat; Sikap peniaga dan kesannya terhadap gelagat pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah*, 17(3): 607-630.
- Rice, B., & Bennet, R. (1998). The relationship between brand usage and advertising trackIng measurements: International fIndings. *Journal of Advertising Research*, 38(3): 58-66.
- Sekaran, Uma. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. United State: John Wiley & Sons.
- Walker, K. & Loughland, T. (2003). The socio-cultural influences on environmental understandings of Australian school students: a response to Rickinson. *Environmental Education Research*, 9(2): 227-239.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). *Konsep ilmu dalam Islam*. Terj. Rosnani Hashim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.